

12H 10M THE BLACK SEA & EASTERN TURKEY TOUR

Terokai keindahan lembah di wilayah Black Sea dan pengalaman kebudayaan serta sejarah di kawasan Timur Turkiye.

Termasuk: Keretapi wilayah Timur, Dogu Ekspres dan 2x penerbangan domestik. TRABZON, UZUNGÖL, KEMALIYE, ILIC, ERZURUM, RIZE, AYDER, ARTVIN, SAVSAT, KARS & VAN

Tarikh	Musim	HARGA SEORANG					Saiz kumpulan (pax)
		SPECIAL! EARLY BIRD	Berdua / Bertiga	Single SUPP	Kanak-kanak dengan katil	Kanak-kanak tanpa katil (up to 5yrs)	
2026							
22 Sep – 03 Okt	Autumn	RM12,490	RM12,990	RM2,500	RM11,990	RM11,990	10 - 18
20 Okt – 31 Okt	Autumn	RM12,490	RM12,990	RM2,500	RM11,990	RM11,990	
EARLY BIRD PROMOSI UNTUK 10 PESERTA PERTAMA!							
Surcharge RM500/seorang untuk kumpulan minima 9 orang							
EXTRA DISCOUNT		SENIOR CITIZEN – RM150 / PAX (58 TAHUN KE ATAS)		INSTANT CASHBACK REWARDS – UP TO RM120 / PAX		LOYALTY DISCOUNT – RM200/ PAX	

Pakej termasuk:

- Tiket penerbangan ekonomi dengan bagasi 30kg
- 2x penerbangan domestik
- Tiket standard Dogu Express Kemaliye / Ilic ke Erzurum
- Penginapan hotel/ guesthouse bertaraf tourist class
- Sarapan dan makan tengahari atau malam seperti dalam itineri (halal/makanan laut)
- Lawatan dan pengangkutan seperti itinari
- Pemandu/guide berbahasa Inggeris & diiringi Tour Manager berpengalaman

Pakej tidak termasuk:

- Tips RM300 seorang
- Insurans perjalanan RM174 seorang (Etiqa Takaful Insurance / Pelan Platinum – umur 70 tahun ke atas tertakluk kepada surcaj)
- Perbelanjaan sendiri dan lain lain makanan/ aktiviti selain dalam itineri.

***Nota: Harga boleh berubah tanpa sebarang notis sekiranya jumlah peserta tidak mencukupi, ketersediaan tiket penerbangan serta perubahan tukaran wang asing.**

MAKLUMAT PENERBANGAN:

TK63 KULIST 0845 1450
TK2832 ISTTZX 1630 1815
TK2753 VANIST 1955 2225
TK60 ISTKUL 0120 1650

DEPOSIT: RM3000/Seorang*

HUBUNGI: OFFICE / AISHAH / ZAWATI
0390572324 / 0173496008 / 0192277253



HARI 1: BERLEPAS DARI KUALA LUMPUR – ISTANBUL - TRABZON

Berkumpul di KLIA 4 jam sebelum berlepas. Setiba di **Istanbul**, rombongan menaiki penerbangan domestik ke **Trabzon**. Tiba di **Trabzon**. Kemudian, daftar masuk hotel dan rehat. Bermalam di **Trabzon**.

HARI 2: TRABZON – LAWATAN SEHARI DI UZUNGOL (S/MM)

Sarapan pagi, kemudian mulakan lawatan **Hagia Sophia Mosque** (sebelum ini dikenali sebagai Gereja Saint Sophia), sebuah masjid lama yang bersejarah dan merupakan bekas gereja lama dan dibuka kepada umat Islam pada Jun 2013 selepas 49 tahun ditutup.

Lawatan diteruskan ke pekan, **Uzungol**. Melawat satu lokasi istimewa di pekan ini, **Observation Terrace** di mana pelancong boleh melihat permandangan indah tasik yang berlatarbelakang gunung ganang nan indah. Di sini, rombongan berpeluang menghabiskan masa bergambar dan menikmati keindahan ciptaan Tuhan. Sebelah petang, daftar masuk hotel dan rehat.



Trabzon



Uzungol



Observation Terrace

HARI 3: TRABZON – HAMSIKÖY – KARACA CAVE – KEMALIYE / ILIC (S/MT/MM)

Usai sarapan, bergerak ke gereja kuno yang indah, **Sumela Monastery**, yang didakwa dibina dua rahib sekitar 1,500 tahun lalu. Terletak dalam Taman Negara, di Altindere di daerah Macka. Lawatan diteruskan ke **Perkampungan Hamsiköy**, dikenali sebagai lembah teh dan kampung tradisional. Ia juga terkenal dengan madu, manisan Turki dan keju. Pelancong juga berpeluang menikmati keenakan teh dan pencuci mulut terkenal, Rice Pudding sambil menikmati keindahan kampung itu.

Nikmati keindahan pergunungan Zigana di ketinggian 2,032-meter (6,667-kaki) di laluan **Zigana Pass**. Laluan ini menyajikan keindahan alam semulajadi yang sukar diucapkan kata kata. Singgah di **Kacara Cave**, yang terletak di Pergunungan Köroğlu yang menawarkan laluan bawah tanah yang unik. Gua ini dibentuk daripada batu kapur sepanjang 300 meter.

Teruskan perjalanan ke **Kemaliye**, sebuah bandar yang terletak di sepanjang **Sungai Euphrates (Firat)**. Terletak di tengah-tengah Semenanjung Anatolia, pemandangan disini pasti menakjubkan. Daftar masuk hotel dan bermalam di **Kemaliye**.



Sumela Monastery



Perkampungan Hamsiköy



Semenanjung Anatolia

HARI 4: KEMALIYE / ILIC – ERZURUM DENGAN KERETAPI (DOGU EXPRESS) (S/MM)

Sarapan di hotel dan daftar keluar hotel. Bertolak ke stesen **Keretapi Ilic** untuk menaiki **keretapi Dogu Express Train**. Perjalanan mengambil masa kira-kira 6 jam* untuk ke **Erzurum**.

Nikmati pemandangan **Karanlık Canyon** atau "**Dark Canyon**". Ini adalah antara salah satu highlight tour ini, di mana perjalanan ini membawa peserta menikmati keindahan wilayah Anatolia yang kaya dengan bentuk mukabumi yang indah dan unik. Keretapi yang menuju ke arah Timur ini, akan melalui lembah dan kawasan pergunungan serta pekan comel. Pelancong pasti tidak dapat melupakan pengalaman menaiki keretapi yang selesai ini.

Setiba di **Erzurum**, daftar masuk hotel dan rehat. Nikmati masa santai di kawasan hotel.



Kemaliye



Dark Canyon



Dogu Express Train

HARI 5: ERZURUM - RIZE (S/MT/MM)

Selesai sarapan di hotel, nikmati lawatan sehari di **Erzurum**. Persinggahan pertama **Yakutiye Madrasa**, madrasah bersejarah dibina sejak kurun ke 14. Lawatan diteruskan di **Lala Mustafa Pasha Mosque**, masjid pertama dibina di Erzurum di zaman kerajaan Uthmaniah yang turut dijadikan contoh kepada binaan masjid lain di sini. Kemudian, singgah di **Çifte Minareli Medrese**, binaan dari zaman Seljuk. Sebelum berlepas ke **Rize**, berhenti di **Rüstem Pasha Caravanserai** yang dikenali sebagai Tashan. Caravanserai adalah lokasi persinggahan saudagar dan kabilah pedagang yang melalui laluan sutera. Ia dilengkapi dengan bilik penginapan, kedai dan bangsal haiwan. Ianya terletak di Yakutiye, daerah Erzurum. Ia dibina oleh menteri di zaman Uthmaniah, Rüstem Pasha pada 1561.

Berlepas ke **Rize** dan nikmati pemandangan sungai-sungai & ladang teh disepanjang jalan ke bandar Rize. Tiba di **Rize**, nikmati masa santai di **Caykur Tea Garden** sambil minum teh. & Daftar masuk hotel dan rehat. Bermalam di **Rize**.



Lala Mustafa Pasha Mosque



Çifte Minareli Medrese



Rize Tea field

HARI 6: RIZE – ÇAMLIHEMŞİN – AYDER – RIZE (S/MM)

Program dimulakan selepas sarapan dengan melawat **Firtina River & Old Ottoman Era Bridge**. Kita akan singgah di jambatan lama yang dibina di zaman Uthmaniah di Sungai Fitrina, wilayah Rize. Jambatan batu ini, menjadi simbol ikonik bagi wilayah ini dan sering dijadikan latarbelakang poster pelancongan. Lawatan diteruskan ke **Rize Zil Castle**, satu istana lama yang juga kubu menghadap pantai di Laut Hitam di wilayah Rize. Nikmati keindahan binaan lama yang dilengkapi menara dan halaman indah.

Selepas makan tengahari, bertolak **Ayder Mountain Village**, satu perkampungan yang terletak di Pergunungan Pontic, di timur laut Turki. Ayder terkenal dengan keindahan lembah hijau, air terjun dan kolam air panas. Nikmati keindahan pekan comel yang berhawa dingin dengan udara segar sepanjang tahun sambil menikmati keenakan hidangan tempatan. **Optional tour ke Huser (tidak termasuk dalam kos – perjalanan pergi & balik 3 jam – anggaran harga 500 – 1,000 lira)**


Kemudian bertolak balik ke **Rize**. Makan malam dan bermalam di **Rize**. Masa santai di bandar **Rize**.



Firtina River



Rize Zil Castle



Ayder Mountain Village

HARI 7: AYDER – ARTVIN – SAVSAT (S/MM)

Sarapan dan bertolak ke **Artvin**, wilayah Black Sea yang bersempadan dengan Georgia. Lawatan dimulakan dengan singgah di **Artvin Double Bridge**. Jambatan ini merupakan senibina unik yang menawarkan dua tiang batu meretasi Sungai Coruh. Ia menghubungkan bahagian berlainan di bandar ini yang dikagumi kerana sejarah dan binaan estetikanya. **Artvin Çifte Köprü** pula lokasi yang menarik untuk bergambar dan menawarkan keindahan mengagumkan.

Bertolak ke **Savsat Karagol Nature Park**, taman negara umpama syurga dunia bagi pencinta alam semulajadi. Dengan keindahan Tasik Karagol yang dikelilingi hutan dan pergunungan, ia menawarkan aktiviti perkelahan, rentas denai dan lokasi bergambar. Di sebelah petang pula, bertolak ke **Şavsat** pekan comel terletak di tengah tengah kawasan pergunungan yang indah untuk bermalam.



View Coruh River Artvin



Aerial view Karagöl Nature Park



Savsat

HARI 8: SAVSAT – TAPAK ARKEOLOGI ANI RUINS – KARS (S/MM)

Sarapan dan daftar keluar. Bertolak ke **Cildir Lake**, tasik kedua terbesar di Anatolia, bersempadan dengan daerah Ardahan dan ia satu satunya tasik yang membeku tatkala musim sejuk. Tasik air tawar ini berkeluasan 123 kilometers persegi. Ia terkenal sebagai pusat memancing ais, luncir ais dan berkuda ketika musim salji.

Kemudian melawat **Bogatepe Cheese Museum**, lokasi untuk peminat keju untuk mengetahui sejarah pembuatan keju. Muzium ini memaparkan cara pembuatan keju yang menjadi warisan wilayah ini. Pelawat boleh melihat dengan lebih dekat cara pembuatan keju, sejarah keju tempatan dan ada masa berpeluang mempelajari pembuatan keju. Singgah seketika di kawasan **Kars Castle** yang dibina pada 1153 oleh Menteri Firuz Akay atas arahan Sultan Seljuk, Sultan Malik Izzeddin.

Kemudian peserta dibawa ke **UNESCO Ani Archaeological Site** untuk melihat dengan lebih dekat runtuh bandar kuno Ani. Ia terletak di kawasan bersempadan dengan Armenia. Pemandangan saujana memandangi di kawasan menghijau pastinya memukau mata. Ia adalah tapak yang menghimpun sejarah kota purba. Usai meneroka Kota Ani, rombongan bertolak ke **Dogubeyazit**.


Berhenti di **Kars museum**, museum pembuatan karpet (handmade). Disini, anda berpeluang membeli karpet buatan Turki. Kemudian, daftar masuk hotel dan berehat. Bermalam di **Kars**.



Cildir Lake



Bogatepe Cheese Museum



Ani Archaeological Site

DAY 9: KARS – DOGUBEYAZIT (S/MM)

Sarapan pagi di hotel, nikmati sarapan di hotel. Program pertama melawat **Masjid Fathiye**, yang asalnya adalah gereja Rusia Ortodoks dibina pada sekitar 1800s dan diubah sebagai masjid pada 1985. **Option:**

Kars Peynir Museum (40 lira)

Berlepas melalui laluan sutera sejauh 4 jam perjalanan ke **Dogubeyazit**. Sepanjang perjalanan, kita berpeluang melihat **Mt. Ararat** dari pelbagai arah. Singgah sebentar **Noah Ark Centre**, lokasi dipercayai kesian tinggalan Bahtera Nabi Nuh dijumpai. Perjalanan diteruskan hotel di **Dogubeyazit**. Daftar masuk hotel dan bermalam di **Dogubeyazit**.



Kars Castle



Ishak Pasha Palace



Mt Ararat

HARI 10: DOGUBEYAZIT – VAN (S/MT/MM)

Selepas sarapan, daftar keluar hotel. Dalam perjalanan ke **Van**, singgah ke **Istana Ishak Pasha** yang merupakan salah satu yang paling penting tapak di Doğubeyazit. Ia terkenal dengan gabungan gaya seni bina, seperti Uthmaniyyah dan Parsi.

Seterusnya bertolak ke **Makam Ahmed-i Hani**, seorang penyair dan ulama Kurdish terkemuka yang hidup pada abad ke-17. Ahmed-i Hani terkenal dengan karyanya "Mewlûd", yang merupakan naratif puitis tentang kehidupan nabi Islam Muhammad.

Kemudian, nikmati pemandangan **Air Terjun Muradiye** yang dipenuhi dengan pelbagai flora di kawasan air terjun setinggi 18 metre itu hasil dari batuan gunung berapi. Di musim sejuk, air terjun itu lebih memukau dengan keadaannya yang beku seumpama terre travertine di Pamukkale.

Sebaik tiba di **Van**, singgah di **Tasik Van** tasik air masin terbesar di Turki. Lawatan diteruskan ke **Citadel of Van**, yang dibina antara kurun ke 7 dan 9 BC. Nikmati panoramic tour ke **Hosap Castle** dan **Cavustepe**. Daftar masuk hotel di **Van**.



Muradiye Falls



Lake Van



Citadel of Van

HARI 11: VAN – ISTANBUL (S)

Di sebelah pagi, nikmati masa bebas sebelum daftar keluar. Selepas daftar keluar, singgah di **Van Cat House** di mana, pengunjung terutama peminat kucing dapat melihat dengan lebih dekat kucing yang mempunyai dua warna mata. Dikatakan kucing berbulu putih ini turut dikenali sebagai Swimming Cat kerana sering ditemui berenang di Tasik Van. Bukan saja berpeluang bermain dengan si bulus, pengunjung juga boleh mendapatkan pelbagai cenderahati bertemakan kucing di sini. Singgah di **Cumhuriyet Street** di mana pelancong boleh mendapatkan cenderahati.


Berlepas ke **Istanbul** untuk penerbangan seterusnya ke tanah air.



Van Cat House



Cumhuriyet street



Van City view

HARI 12 : TIBA DI MALAYSIA

Tiba di Kuala Lumpur dengan kenangan manis. Alhamdulillah.

SENARAI PENGINAPAN:

Bandar	Hotel *atau setaraf
Trabzon	Aksular Hotel & Restaurant
Kamaliye	Otel Vadi Kemaliye
Erzurum	Grand Çatalkaya Hotel
Rize	Otel Keleş
Savsat	Green Valley Hotel
Kars	Büyük Kale Otel
Dogubeyazit	ATLIHAN Plus Hotel
Van	Tamara Hotel

Jadual perjalanan di atas untuk digunakan sebagai panduan, mungkin berubah sedikit.

TERTAKLUK TERMA & SYARAT!

MYZARRA TRAVEL & SERVICES SDN BHD
(737897-W) (KPK/LN:7712)
4-2, JALAN TASIK SELATAN 3,
BANDAR TASIK SELATAN, 57000 CHERAS,
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
TEL: +603 9057 2324 | WHATSAPP: +6019 2277 253
EMAIL: zarratravel@yahoo.com / sales.myzarra@gmail.com